

## **PRU-13: Janji pembangkang tidak masuk akal - Najib**

**Utusan Online**

**04 April, 2013**

**Oleh HUSSAINI AMRAN & MOHD. AZRAIE MD. YUSOF**

KUALA LUMPUR 4 April - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan janji pakatan pembangkang untuk menyelesaikan masalah 300,000 kaum India yang didakwa tiada kewarganegaraan selepas 100 hari mereka memerintah negara sebagai tidak masuk akal.

Beliau berkata, pakatan pembangkang perlu membuktikan kesahihan jumlah tersebut sebelum berjanji.

"Saya dah tanya pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan mereka kata dakwaan itu tidak betul. Kalau ada 300,000 orang tiada kewarganegaraan, bermakna JPN mesti selesaikan 3,000 kes sehari.

"Saya tak percaya perkara itu boleh dilakukan. Ini satu lagi janji palsu, janji bohong oleh pembangkang ," katanya ketika berucap merasmikan Majlis Penganugerahan Dokumen Pengenalan Diri di Pusat Komuniti Sentul Perdana, Bandar Baru Sentul di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein; Pengerusi Pasukan Khas Pelaksana Jawatankuasa Kabinet Masyarakat India (SITF); Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr. Ali Hamsa dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar.

Najib turut menyampaikan dokumen pengenalan diri iaitu kad pengenalan dan sijil kelahiran kepada sebanyak 100 penerima pelbagai kaum pada majlis keramaian yang pertama dihadiri beliau selepas mengumumkan pembubaran Parlimen semalam. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : [http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan\\_Raya/20130404/px\\_63/PRU-13-Janji-pembangkang-tidak-masuk-akal---Najib](http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130404/px_63/PRU-13-Janji-pembangkang-tidak-masuk-akal---Najib)